

# Perkembangan Sosioemosi Kanak-Kanak TABIKA KEMAS Berasaskan Penghasilan Karya Kreatif Melalui Aktiviti Menggambar

Zailatul Nazirah binti Zakaria dan Zaharah binti Osman

*Abstrak – Perkembangan sosioemosi khususnya adalah keupayaan kanak-kanak untuk berinteraksi serta memberi tindak balas emosi terhadap sesuatu situasi atau keadaan. Ianya dapat dilihat melalui kelakuan kanak-kanak. Ianya dikategorikan sebagai tingkah laku positif dan tingkah laku negatif. Tingkah laku yang positif merujuk kepada berkongsi, berdikari, mengikut peraturan dan lain-lain. Manakala tingkah laku negatif merujuk kepada bergaduh, mengasingkan diri, dan menggigit. Adalah penting bagi kanak-kanak untuk terlibat dalam aktiviti seni dalam memperolehi emosi dan tingkah laku yang diinginkan. Pendidikan seni dipercayai dapat menyumbang kepada perkembangan kemahiran peribadi dan sosial kanak-kanak seperti keyakinan diri dan perkongsian. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menghasilkan satu kertas konsep bagi pembangunan modul perkembangan sosioemosi kanak-kanak prasekolah di TABIKA KEMAS. Modul ini berfokus pada penggunaan aktiviti menggambar sebagai medium untuk menggalakkan perkembangan sosioemosi kanak-kanak. Dengan menggunakan pendekatan berasaskan penghasilan karya kreatif, modul ini dirancang untuk memperkukuhkan kemahiran sosial, emosi, dan kognitif kanak-kanak dalam persekitaran pendidikan prasekolah. Kertas konsep ini akan membincangkan penyelidikan terdahulu yang berkaitan dengan pentingnya aktiviti seni dalam pembangunan kanak-kanak, serta konsep teori sosioemosi yang akan diintegrasikan dalam modul yang diusulkan. Selain itu, kertas konsep ini akan menjelaskan struktur dan kandungan modul yang dicadangkan, termasuk objektif pembelajaran, strategi pengajaran, dan aktiviti menggambar yang dirancang untuk mencapai tujuan perkembangan sosioemosi kanak-kanak. Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat menyumbang kepada peningkatan kualiti pendidikan prasekolah di TABIKA KEMAS melalui penghasilan modul yang menyeluruh dan berkesan untuk pembangunan sosioemosi kanak-kanak.*

**Kata kunci – Aktiviti menggambar, Modul, Sosioemosi, Tabika**

## I. PENGENALAN

Sosio-emosi adalah gabungan dua perkataan sosial dan emosi. Menurut kamus dewan edisi keempat, sosial bermaksud segala perkara yang berkaitan dengan masyarakat dan kemasyarakatan manakala emosi pula membawa maksud satu perasaan yakni jiwa yang sangat kuat.

Perkembangan sosio-emosi kanak-kanak ialah kebolehan kanak-kanak untuk bersosial dengan orang lain, dalam masyarakat dan diri sendiri berdasarkan peringkat perkembangan psikososial. Kita perlu mengenalpasti

perkembangan sosio-emosi kanak-kanak supaya mereka dapat membesar dalam persekitaran yang positif bagi membina keyakinan diri dan kebolehan mereka menyesuaikan diri dalam masyarakat

Perkembangan sosio-emosi berfokus kepada penguasaan kemahiran emosi yang matang. Ini sangat penting dalam kehidupan seseorang kanak-kanak kerana menjadi asas kepada pembelajaran dan perkembangan serta mempengaruhi kejayaan dalam pembelajaran mereka. Perkembangan emosi bermula dengan kebolehan kanak-kanak memahami dan menguruskan emosi sendiri, diikuti dengan pencapaian emosi yang positif.

Kebolehan menguruskan emosi membantu membina keyakinan diri, semangat berdikari dan sikap positif terhadap pembelajaran. Keupayaan mengurus emosi diri sendiri membolehkan kanak-kanak memahami emosi, keperluan dan menghormati pandangan orang lain. Justeru itu, kanak-kanak dapat membina kemahiran sosial dalam masyarakat berbilang kaum yang mesra dan harmoni. Kanak-kanak yang mempunyai tahap sosio-emosi yang memberangsangkan, ini bermakna mereka mempunyai sesuatu perasaan sebagai reaksi bagi menyesuaikan diri dengan kehendak masyarakat dengan cemerlang.

Perkembangan sosio-emosi amat ditekankan untuk kanak-kanak bagi memberikan mereka pemahaman hubungan sosial dengan individu-individu di persekitaran mereka. Ini secara tidak langsung membentuk personaliti kanak-kanak sepanjang mereka membesar dan mencapai umur dewasa.

Perkembangan emosi merupakan salah satu komponen yang wajar dikembangkan dalam kehidupan kanak-kanak. Ini kerana perkembangan emosi dapat membantu mempengaruhi segala perbuatan, pandangan dan aktiviti kehidupan seharian kanak-kanak (Arba'ie, Nik Rafidah, Nurul Azimah, & Intan Zahariah, 2014).

Kanak-kanak yang mendapat didikan yang baik mampu menguruskan emosi dengan baik. Menurut Zaharah (2016), kebolehan mengurus emosi dengan baik dapat membantu mengembangkan kemahiran lain seperti kognitif, sosial, dan rohani. Kanak-kanak dapat menunjukkan emosi mereka seperti gembira, takut, sedih, marah dan benci berdasarkan keperluan yang memberi pengaruh besar sama ada positif mahupun negatif terhadap diri dan persekitaran mereka.

Hal ini dipersetujui oleh Reinhard dan Lisa (2014) yang mendapati perkembangan emosi yang positif yang ditonjolkan oleh kanak-kanak memberi impak yang besar terhadap diri dan perbuatan mereka. Emosi yang stabil mampu memberi gerak balas yang positif di mana semakin usia kanak-kanak kecil ini meningkat maka emosi mereka menjadi semakin stabil. Misalnya kanak-kanak kecil yang mengikuti aktiviti melukis memerlukan emosi yang stabil

untuk menghasilkan karya dalam meluahkan perasaan mereka. Untuk itu guru perlu membuat penyesuaian dengan bentuk-bentuk emosi kanak-kanak kecil yang diinginkan bagi membina perkembangan sosio-emosi mereka.

### Penghasilan Karya Kreatif

Penghasilan karya bermaksud suatu proses penyelesaian masalah visual yang memerlukan kita merancang, menganalisa, menjana idea, membuat pemilihan, melaksana dan melakukan penilaian untuk menghasilkan sesuatu karya. Dalam konteks ini, karya yang dimaksudkan adalah karya berbentuk 2-Dimensi dan 3-Dimensi (Seni Visual dan Kraf). Bagi memastikan proses penghasilan karya berjalan dengan lancar dan tersusun, amatlah perlu bagi kita untuk memahami kaedah-kaedah yang bersesuaian agar karya yang dihasilkan mempunyai nilai estetika serta menepati sesuatu objektif yang direncanakan.

Keupayaan menghasilkan karya kreatif dalam kalangan kanak-kanak merupakan interaksi secara tidak langsung mereka dengan alam sekeliling serta dapat mengembangkan keupayaan mereka dalam membuat tafsiran melalui persekitaran mereka.

Hasil seni merupakan penjelmaan beberapa bahagian nilai dan sikap. Oleh itu untuk melaksanakannya harus melihat keberkesanan aktiviti melukis dalam meningkatkan keyakinan diri dalam kalangan kanak-kanak.

### Kajian-Kajian Yang Berkaitan Mengenai Aktiviti Seni Dalam Perkembangan Kanak-Kanak

Fox dan Diffily (2000), golongan profesional mengenal pasti akan kepentingan memberi peluang kepada kanak-kanak untuk perkembangan dalam sesebuah bidang, sosio-emosi-psikomotor dan perkembangan kognitif. Seni lukis adalah penting sebagai penyemai perkembangan diperingkat awal kanak-kanak kerana itu Champman (1978:12), menyatakan bahawa kerja seni bukan sekadar suatu mod tingkahlaku semula jadi kanak-kanak tetapi adalah asas kepada matlamat kematangan. Idea bahawa pernyataan seni sebagai luahan emosi hasilan kerja seni sebagai alat untuk memahami corak psikologi kanak-kanak dan integrasi personaliti menerusi pengajaran seni telah menjadi slogan pengajaran seni di Amerika Syarikat menjelang sejak 1940an lagi.

Efland (1977) dan Chapman (1978) menyatakan terdapat tiga tahap perkembangan proses artistik iaitu :

- a. Mengumpul idea-idea
- b. Mengolah dan menjelmakan idea-idea tersebut dalam seni
- c. Menggunakan media untuk menghasilkan kerja seni model untuk digunakan oleh muridmurid di dalam aktiviti-aktiviti artistik.

Oleh itu, tambah beliau berdasarkan kenyataan tersebut maka tindak balas kanak-kanak pada aktiviti seni juga melalui tiga tahap iaitu:-

- i. Mengamati
- ii. Menterjemah
- iii. Menilai

Ketiga-tiga dominan ini, mampu memberi pernyataan sendiri secara kreatif, memberi lebih perkembangan diri serta integrasi individu dalam kalangan kanak-kanak. Justeru, kegiatan seni seperti aktiviti melukis ternyata baik untuk meningkatkan perkembangan diri kanak-kanak.

Menurut Nor Hashima & Yahya Che Lah (2003), guru memainkan peranan penting bagi membina kreativiti kanak-kanak, memberi motivasi dan mencipta suasana. Sikap guru adalah salah satu factor yang diperlukan bagi meransangkan kreativiti. Guru seharusnya :

- i. Menghargai idea dan soalan kanak-kanak
- ii. Menggalakkan kanak-kanak bercakap atau bercerita
- iii. Memberikan komen ikhlas
- iv. Memahami kanak-kanak
- v. Memberi pandangan yang menggembirakan kepada hasil kerja mereka
- vi. Mewujudkan suasana menggalakkan
- vii. Merancang aktiviti berkualiti dengan menggunakan bahan yang mudah diperoleh dan selamat digunakan
- viii. Mendisiplinkan kanak-kanak dengan memberi arahan yang jelas dan betul semasa hendak menggunakan alat-alat
- ix. Menggalakkan kanak-kanak bekerjasama antara satu sama lain.

Mereka turut menambah dengan mengetengahkan fungsi seni dalam kegiatan kanak-kanak seperti berikut;

- i. Menyediakan peluang untuk kanak-kanak melahirkan dan menyatakan fikiran.
- ii. Memberi peluang untuk menyatakan, memperhalusi dan membentuk emosi.
- iii. Menyediakan peluang untuk kanak-kanak membentuk kemahiran-kemahiran sosial dan sensitiviti pada manusia dan persekitaran.
- iv. Merangsang kreativiti dan imaginasi kanak-kanak.
- v. Mengayakan perkembangan Bahasa.
- vi. Merupakan asas memahami matematik.
- vii. Menggalakkan perkembangan kemahiran manipulatif.
- viii. Memberikan peluang menyelidik dan menikmati bahan-bahan semula jadi..
- ix. Membina kekuatan otot dan koordinasi.
- x. Mendedahkan penggunaan simbol dan corak yang merupakan persediaan pembacaan dan penulisan.
- xi. Melatih penggunaan dan koordinasi tangan dan mata sebagai persediaan menulis dan membaca.
- xii. Tindak balas kepada keperluan kanak-kanak untuk mengetahui sesuatu melalui deria; memerhati, memadan, perkembangan intelektual.
- xiii. Melatih kanak-kanak memberi tumpuan, mengaitkan kerja ataupun hasil kerja dengan topik lain.

### Teori-Teori Perkembangan Sosio-emosi

Teori Bandura menyatakan bahawa perkembangan emosi kanak-kanak juga diperoleh dengan cara peniruan. Beliau berpendapat kanak-kanak meniru tingkah laku emosi yang diperhatikannya pada orang lain dan melakukan gerak balas yang tidak pernah dibuatnya dahulu.

Cara kanak-kanak menyatakan emosinya bergantung kepada apa yang telah dipelajarinya mengenai penerimaan oleh masyarakat. Cara yang paling mendatangkan kepuasan dan yang telah dipelajarinya untuk mendapatkan sesuatu dengan paling mudah dan cepat.

Teori Erik Erikson menekankan kepentingan hubungan sosial dengan individu-individu di persekitaran kanak-kanak. Personaliti seseorang kanak-kanak dibentuk hasil daripada perkembangan psikososial.

Imam Al-Ghazali berpendapat akhlak adalah suatu keadaan yang tetap dalam diri atau jiwa yang melahirkan tindakan, perlakuan, atau perilaku amalan dengan mudah tanpa memerlukan pemikiran. Ia merupakan suatu keadaan atau sifat yang ada di dalam diri atau jiwa manusia yang telah tetap, sehingga dengan mudah melahirkan perlakuan atau perilaku yang baik atau buruk tanpa difikirkan atau dirancang terlebih dahulu. Kanak-kanak harus disediakan dengan aspek pengawasan, perinsip murabaqah bahawa Allah Maha Besar dan sedang memerhatikan segala amal baik atau buruk yang mereka lakukan.

### Teori Perkembangan Sosial

Teori perkembangan psikososial Erikson menerangkan perkembangan sosial manusia sebagai satu siri perkembangan yang terdiri daripada lapan peringkat dan setiap peringkat mengandungi kecenderungan atau keinginan yang berkonflik. Individu dikatakan perlu menguasai kecekapan tertentu dalam menghadapi setiap peringkat perkembangan ini.

Peringkat Perkembangan Sosial Kanak-Kanak Mengikut Teori Perkembangan Psikososial Erikson

#### Autonomi Lawan Keraguan (1 hingga 3 Tahun)

Kanak-kanak akan cuba melakukan aktiviti fizikal tanpa memerlukan bantuan orang dewasa, contohnya ingin cuba makan dan minum dengan sendiri, membuang air, memakai kasut dan sebagainya. Kanak-kanak diberi sokongan untuk meneroka perlakuan fizikal ini akan merasa mempunyai keyakinan diri atau autonomi manakala yang tidak diberi peluang akan merasa ragu-ragu kepada dirinya.

#### Inisiatif Lawan Rasa Berasa Bersalah (4 hingga 6 Tahun)

Kanak-kanak cuba berdikari dengan meneroka persekitaran dan kemahiran baru, mereka suka bertanya dan mahu penjelasan untuk situasi yang berlaku. Sokongan yang diberi akan menggalakkan inisiatif dalam

diri kanak-kanak. Kanak-kanak yang tidak diberi peluang akan rasa bersalah kepada dirinya.

#### Berdaya Tindak Lawan Rasa Bersalah (2 hingga 6 Tahun)

Pembentukan kesedaran sendiri melalui identifikasi dengan ibu bapa dan kesedaran tentang tanggungjawab atas tindakan sendiri. Ibu bapa yang sentiasa memberi sokongan identifikasi akan membantu kanak-kanak dalam pembentukan kesedaran sendiri mereka.

#### Rajin Lawan Rendah Diri (6 hingga 11 Tahun)

Pembentukan nilai sendiri yang kuat melalui interaksi dengan rakan sebaya, sekolah dan guru. Pendidikan dan pembelajaran menggalakkan perkembangan yang dinyatakan disini hanya merangkumi kanak-kanak pertengahan dan kanak-kanak akhir.

### Cadangan Aktiviti Menggambar

Aktiviti menggambar menegaskan perkembangan persepsi dan kemahiran serta kemampuan kanak-kanak terhadap aspek melukis serta kegiatan membuat gambar dengan pelbagai media dan teknik yang menekankan aspek ruang, struktur,imbangan dan komposisi. Antara kegiatan dalam aktiviti menggambar ialah.

#### (i) Teknik Lukisan

Lukisan merupakan hasil kerja seni yang dibuat untuk meluahkan perasaan berbentuk imej dengan menggunakan media kering atau menggunakan warna yang paling sedikit yang dihasilkan di atas permukaan rata dengan aplikasi garisan, rupa, bentuk, saiz warna dan jalinan. Penggunaan alat dalam sesebuah lukisan terhadap kepada media kering seperti pensel, pensel warna, pastel, arang, pen dan dakwat. Setiap proses melakukan garisan, melorek ton dan menggosok juga dinamakan lukisan dan diaplikasikan melalui garisan, rupa, bentuk, saiz, warna dan jalinan ke atas sesuatu hasil kerja dengan pelbagai teknik yang boleh dihasilkan bergantung kepada kesan jalinan sesuatu permukaan dari aras mudah ke aras sukar.

#### (ii) Catan

Catan adalah satu proses menyapu warna atau cat ke atas sesuatu permukaan rata yang mewakili gambaran pemikiran atau rekaan tertentu sama ada yang nyata atau abstrak melalui sapuan warna ke atas permukaan rata dengan menggunakan berus. Ianya merupakan satu ciptaan gambar yang berwarna yang diaplikasikan pigmen dari satu media ke atas permukaan seperti media ke atas permukaan seperti kertas, kanvas dan dinding dengan mengaplikasikan warna basah ke atas permukaan 2D dengan teknik menyapu warna basah. Ianya banyak menggunakan warna sebagai bahan pewarna untuk menghasilkan gambar seperti cat poster, cat air, cat minyak, cat tempera, cat gouache dan cat akrilik dengan pelbagai jenis warna dan cara-cara mewarna dengan betul.

(iii) Kolaj

Kolaj bermakna potong, koyak, gunting, gam dan tampal sesuatu bahan ke atas sesuatu permukaan seperti cebisan kertas-kertas, kain atau bahan lain di atas permukaan 2D yang mengandungi sebahagian imej seperti gambar foto atau dari cetakan majalah disusun dan ditindih untuk menjadi satu komposisi. Berbagai jenis bahan dilekat disatu permukaan khas daripada imej yang berlainan dan daripada berbagai media. Ia juga dapat menghasilkan satu komposisi artis daripada imej atau gambar yang berlainan, latarbelakang yang berbeza dan daripada berbagai warna dan corak berjalanan dihasilkan secara 'superimpose' di antara satu sama lain dengan menggam berbagai elemen supaya menjadi satu gambar bagi sesuatu tajuk atau tema tertentu.

(iv) Montaj

Montaj itu adalah satu teknik menampal dan melekatkan gambar-gambar pada suatu permukaan untuk menimbulkan mesej pengajaran, kecintaan, kecuaiian, peperangan. Alam sekitar. Menggunakan potongan gambar-gambar yang berkaitan dari mana-mana media cetak untuk menghasilkan satu tajuk atau tema. Ia mengandungi sebahagian daripada imej yang ada seperti dalam gambar foto, majalah, cetakan yang disusun supaya bercantum, bertindih, diubahsuai untuk menghasilkan satu imej dengan menggunakan teknik superimpose dengan menyusun berbagai cebisan gambar dengan cara yang kreatif untuk menghasilkan satu hasil karya montaj yang disusun menjadi satu hasil kerja seni.

(v) Cetakan

Cetakan ialah satu proses hasil kerja seni menggunakan dakwat yang dicipta melalui perpindahan dakwat ke atas satu permukaan. Seseorang pelukis biasanya akan menentukan berapa banyak cetakan yang hendak dihasilkan dalam sesuatu edisi. Merupakan satu proses ulangan imej daripada satu permukaan yang disediakan ke atas sesuatu permukaan lain. Proses dimana satu hasil kerja seni dicipta dalam beberapa kuantiti. Imej atau gambar yang dihasilkan dengan menggunakan acuan plat yang dilakukan pada permukaan rata. Proses penerapan blok, plat atau skrin ke atas sesuatu permukaan yang lain. Ianya menggunakan acuan cetakan untuk menghasilkan satu atau beberapa siri cetakan. Perpindahan imej yang berdakwat daripada satu permukaan blok kepada permukaan lain seperti kertas atau kain atau bahan lain.

(vi) Resis

Resis atau dalam perkataan inggeris resis ialah satu aktiviti menggambar yang dihasilkan dari warna basah dan contengan lilin. Ianya satu aktiviti dalam kegiatan menggambar yang menggunakan warna-warna basah dan contengan lilin. Lilin digunakan untuk menutup kawasan permukaan kertas atau kain. Ini menyebabkan permukaan kertas yang diliputi lilin tidak akan menyerap warna dan dalam keadaan warna asal. Resis juga boleh dijalankan dengan cara menggunakan tindihan-tindihan lilin dan menyapu warna dari peringkat warna terang ke peringkat warna gelap. Teknik ini membolehkan murid

meneroka dengan lebih jauh lagi tentang alatan dan bahan dalam kegiatan menggambar.

(vii) Gosokan

Gosokan adalah satu proses menggosok dan merekod corak daripada permukaan yang berjalanan. Ia adalah satu psoses penerokaan murid mula menggambar melalui deria sentuh yang terdapat di sekeliling mereka. Gosokan adalah satu cara paling mudah dan terbaik untuk merakamkan berbagai jalinan pada sesuatu permukaan. Apabila salah satu atau kedua-dua objek digerakkan di antara satu sama lain, maka gosokan akan terhasil. Hasil cetakan dibuat dengan menggosok dakwat, pensel, kapur ke atas sekeping kertas yang diletakkan di atas suatu permukaan yang berjalanan. Satu representasi yang mengandungi salinan dibuat supaya dapat mengembangkan pemahaman dalam penggunaan jalinan dan ton.

(viii) Stensilan

Bagi teknik ini, rupa bentuk gambar dikeluarkan dari alat stensil dengan sesuatu cara supaya meninggalkan ruang kosong di atas alat stensil tersebut. Apabila bahan warna disapu atas stensil yang diletakkan atas kertas, bahan warna akan melalui ruang yang kosong atau lubang di atas stensil dan diserap oleh kertas. Garis luar pada lubang itu memberi kesan kepada sifat garis luar rupa bentuk yang dihasilkan.

(ix) Percikan

Percikan adalah salah satu teknik hiasan catan dengan mendetik, mengetuk atau menjentik bahagian bulu berus yang akan menghasilkan kesan 'a speckled granite-style finish' yang akan kelihatan lebih moden daripada kesan warna yang lain. Percikan-percikan halus warna disemur ke serata tempat untuk menghasilkan kesan antik. Mengikut kamus dewan bahasa dan pustaka pula percikan ialah titik-titik air atau warna yang berserak-serak ke sana sini setelah air atau warna itu terhempas ke suatu permukaan. Alatan penting yang digunakan ialah berus dari pelbagai jenis, warna-warna basah dan kertas. Ianya boleh dihasilkan dengan menggunakan berbagai jenis warna dengan kaedah yang berlainan.

(x) Gurisan

Gurisan ini merupakan satu karya yang dihasilkan dengan teknik gurisan dengan menggunakan sesuatu objek atau alat yang tajam untuk mengguris keluar sesuatu bahan yang lembut dari sesuatu permukaan. Permukaan kertas boleh disapu dengan warna krayon secara berlapis-lapis supaya bahan krayon yang tebal melekat di atas kertas. Alat yang keras atau tajam seperti kayu, paku atau plastik boleh digunakan untuk mengguris pada krayon tebal itu supaya menghasilkan gambar. Berbagai jenis alat yang keras dan tajam itu akan memberi berbagai kesan yang berlainan pada garisan yang dihasilkan.

(xi) Capan

Secara amnya, teknik capan juga boleh digolongkan dibawah kategori cetakan. Teknik capan ialah

cara untuk menghasilkan karya dengan menggunakan bahan yang disapukan warna (cat air atau poster) dan dicat ke atas sesuatu permukaan. Capan boleh dihasilkan dengan berbagai rupa bentuk dengan menggunakan berbagai jenis bahan. Contohnya adalah seperti capan bahan buangan, capan bahan alam semulajadi (sayuran, cengkerang). Jalinan berbagai bahan itu akan memberi berbagai kesan jalinan pada hasil capan.

(xii) Mozek

Mengikuti rujukan daripada kamus Glosari Seni Lukis, mozek boleh didefinisikan sebagai satu reka bentuk atau gambar yang dibuat daripada serpihan kaca, kayu, marmar atau pecahan tembikar. Mengikuti sejarah lama, mozek telah diperkenalkan oleh orang Greek. Pada asalnya, mereka mencipta mozek untuk tujuan menghias permukaan lantai. Kini teknik mozek luas digunakan dalam pembinaan bangunan dan aktiviti seni di sekolah. Di peringkat sekolah rendah, aktiviti mozek diperkenalkan dalam subjek Pendidikan Seni. Aktiviti mozek ini sesuai dijalankan secara berkumpulan di dalam kelas di mana kumpulan berlainan menghasilkan tema yang sama tetapi menggunakan teknik berlainan.

(xiii) Poster

Poster adalah suatu pengumuman ataupun iklan dalam bentuk gambar ataupun tulisan yang berisi mengenai himbuan atau ajakan untuk melakukan sesuatu dan umumnya poster tersebut akan ditempelkan di dinding atau di tempat-tempat strategik yang kerap dilalui banyak orang dan juga mudah untuk dibaca.

### KESIMPULAN

Kanak-kanak merupakan seorang insan cilik yang sinonim dengan kegiatan seni kreatif dalam kehidupan mereka. Kebanyakan mereka sangat berminat dengan aktiviti seni kreatif seperti melukis. Aktiviti ini memberi peluang kepada kanak-kanak merealisasikan imaginasi mereka di dalam pelbagai cara. Dengan melakukan aktiviti melukis membolehkan kanak-kanak kecil untuk meluahkan keinginan dan keperluan mereka untuk membina perkembangan sosio-emosi. Mereka dapat membina pengalaman baru hasil daripada penerokaan dalam kehidupan dan akan berasa seronok apabila mencipta sesuatu yang baru.

Misalnya dalam aktiviti melukis, mereka dapat melukis sesuatu benda baru yang merupakan idaman mereka seperti 'rumah idamanku' dengan melukis pelbagai jenis dan bentuk rumah yang cantik. Mereka meluahkan rasa hati, mereka mencipta sesuatu lukisan dengan menggunakan cara tersendiri yang mencerminkan kreativiti dan seterusnya membina dan meningkatkan perkembangan sosio-emosi dalam diri mereka.

Di samping itu, guru akan memberi peluang kepada kanak-kanak kecil untuk bercerita dan berkongsi pengalaman dengan rakan sebaya mereka tanpa rasa segan dan ragu-ragu. Ia mengukuhkan lagi perkembangan sosio-emosi mereka untuk berhadapan dengan dunia luar kelak. Kesemua aktiviti yang dicadangkan di atas boleh

dilaksanakan oleh guru terhadap kanak-kanak secara implisit dan eksplisit di dalam mahu pun di luar kelas.

Oleh itu, guru memainkan peranan untuk menyediakan aktiviti, suasana, persekitaran, bimbingan, dan sokongan bagi menjamin kanak-kanak dapat mencapai potensi diri masing-masing. Berdasarkan huraian tersebut di atas, jelaslah bahawa strategi pengajaran guru amat mempengaruhi dalam aktiviti lukisan untuk meningkatkan perkembangan sosio-emosi dalam kalangan kanak-kanak kecil. Latihan perlu diperbanyakkan agar kanak-kanak kecil ini memiliki keyakinan diri yang lebih baik kerana secara tidak langsung mereka akan mampu berinteraksi, bertutur, meluahkan perasaan, menghormati dan sebagainya yang diluahkan melalui karya lukisannya.

### RUJUKAN

- Bandura, A. (1986). *Social foundations of thought and action. A social cognitive theory*. Englewood Cliffs, NJ:
- Efland, Arthur. (1977). *Planning art education*. Middle/Secondary School of Ohio: State of Ohio Dept. of Education.
- Luquet, G.H. (2001). *Children's drawing*. London: Alan Costal.
- Prentice –Hall, Inc.Gibson, J. J. (1979). *The ecological approach to visual perception*, Houghton Mifflin, Boston.
- Mohammad, S. A., Osman, Z., & Abdul Aziz, A. N. (2021). Perkembangan sosioemosi kanak-kanak melalui aktiviti main peranan dalam pengajaran dan pembelajaran di peringkat prasekolah. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 10(2), 47-60. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol10.2.5.2021>
- Musa, R., Ramli, M., Mohd Khairuddin, N., & Abindinhazir, Z. (2019). Eksplorasi lakaran bertema kenderaan serta kesan terhadap kreativiti kanak-kanak. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 7, 72-80. Retrieved from <http://ejournal.upsi.edu.my/index.php/JSPS/article/view/2708>
- Mohamed Isa, Z., Che Mustafa, M., Shamsudin, I. D., Bacotang, J., & Gnana Piragasam, G. A. (2021). Aktiviti sokongan bagi perkembangan bahasa dan komunikasi kanak-kanak. *Jurnal Pendidikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan*, 10(2), 27-34. <https://doi.org/10.37134/jpak.vol10.2.3.2021>
- Nor Hashima & Yahya Che Lah. (2003). *Panduan pendidikan prasekolah*. Bentong: Pahang. PTS Publication & Distributors Sdn. Bhd.